



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENGGERAK JENTERA TURBINE (D.4 EB.5)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGERAK JENTERA TURBINE  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN= LIMA (05)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Elektrik /Mekanik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Pernah mengikuti dan lulus kursus singkat yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal peringkat pertama dan kedua adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Penolong *Shift-in-charge* dalam mengawasi kesempurnaan pengendalian *Gas Turbine* serta peralatan bawahannya;
2. Memahami, mengambil dan memasukkan pembacaan semua jangka dan alat pengukur elektrik yang berkenaan;
3. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia bekerja secara bergilir-gilir (*shift-duty*) sama ada di Pusat Jana kuasa Cawangan Gadong 1 dan 2, Pusat Jana kuasa Bukit Panggal dan Pusat Jana kuasa SHOASSKW, Lumut;



4. Melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan ke atas barang-barang elektrik dan *instrumentation*; dan
5. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.